

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Murid-murid Madrasah al-'Ulubah, Perlis telah mogok kerana membantah lantikan Ketua Pegawai Pelajaran Negeri, Encik Abdullah bin Sutan sebagai seorang Timbalan Ketua Lembaga Pengelola. Murid-murid merayu supaya melantik seorang guru yang berkelulusan daripada Universiti Arab. Sekian diberitakan oleh Berita Harian. Damak, dalam hal ini meminta fikiran kubu mengapa permintaan mereka kepada kelulusan Universiti Arab dan menolak kelulusan Universiti Malaya. Berita ini harus mengelirukan kerana harus yang dikehendaki oleh penuntut-penuntut itu ialah kelulusan al-Azhar. Dengan kekeliruan ini, nampaknya Damak cuba hendak membuat sentimen bangsa. Kalau kelulusan al-Azhar dibanding dengan kelulusan Universiti Malaya tentulah berlainan, sebab kelulusan al-Azhar berpengetahuan agama sedangkan kelulusan Universiti Malaya harus berkulit agama seperti Damak tetapi tidak berisi agama. Betulkah demikian itu?

* * *

Seorang Habib pensyarah dari Indonesia nampaknya telah mengubah sikapnya. Taikala meminta pendengar-pendengar syarahannya membeli risalah yang dijualnya dengan harga 60sen, mengandungi isinya 8 muka menyurat nama Tuhan (*Asmā' al-Husnā*) sebanyak 99, menyatakan bahawa adalah ia menjual itu untuk belanja kerana mengadakan silaturrahim dan kerana untuk belanja menjalankan dakwah Islam. Orang-orang bertanya, apakah kembangan Islam dahulu dengan cara meminta-minta kemudian membuat dakwah? Kalau mau buat dakwah jalankannya cara datuk nenek habib-habib itu iaitu cari wang dahulu kemudian korbankan untuk jalan Allah sama ada dengan diri, tenaga dan harta benda.

* * *

Di dalam risalah yang dijadual untuk menjalankan dakwahnya,

seorang pensyarah dari Indonesia dinyatakan bahawa barang siapa menghafaz dan hafaz akan *Asmā' al-Husnā* yang dihebahkannya itu dan mati ia maka orang itu tetaplah masuk syurga. Kemudian di dalam syarahannya, beliau dikatakan ada menyatakan bahawa pada tangan kiri seseorang ada bertulis dengan tulisan arab angka ٨١ (81) dan pada tangan kanan angka ١٨ (18) dan jika ditampungkan meliputilah akan nama Tuhan 99 itu. *Mā shā'a Allāh* tuan! Apakah cara ini dakwah yang dikehendaki pada masa sekarang? Adakah orang-orang diminta menghafaz sahaja – dengan tidak payah beramal, dengan amal soleh, bekerja, berusaha dan berjihad pada jalan Allah akan terus masuk syurga? *Mā shā'a Allāh!* Baik-baik tuan – orang di Malaya sekarang sudah celik – cara mengabui mata dengan azimat dan isim-isim sahaja telah tidak berguna lagi. Kepada mereka hendaklah ditunjukkan cara amal supaya hidup berbahagia dan merdeka, hidup di dalam mencari keredaan Tuhan! Dan tuan pensyarah sendiri mesti beramal dahulu – kalau hanya tahu berkata dan tidak beramal – menyerahkan diri untuk berbuat dakwah kepada belas kasihan orang – ini tidak beramal namanya, bahkan harus orang-orang menuduh jadi pengemis moden.

* * *

Sebermula maka adalah kemudian daripada itu dicitrakan oleh yang empunya citra bahawa pada suatu hari dua pensyarah telah dicadangkan bersyarah di suatu tempat. Seorang orang tempatan dan seorang lagi dari Indonesia – masing-masing “orang tukang jual ubat”. Kata yang empunya citra, pensyarah tempatan lebih dahulu datang sambil mengepit bungkusan. Ia bersyarah lebih dahulu dan ia terus dipersilakan bersyarah. Di dalam ia bersyarah itu pensyarah



Suatu pemandangan dalam pekan minggu, Beranang, yang telah selamat dibuka oleh pegawai Jajahan Ulu Langat, Raja Ilyas bin Raja Muhammad Ali pada 12 Oktober yang lalu. Gambar menunjukkan kaum ibu sedang berjual beli.

dari luar negeri pun datang dengan mengepit pula bungkusannya.

Dan pensyarah tempatan pun menyambut kedatangannya itu dengan segala puji-pujian. Sehabis-habisnya memuji-muji itu maka ia pun lalu meminta pendengar-pendengar membeli risalah yang dibawanya, sebuah berharga 50 sen. Risalah pun diperedarkan. Sesudah itu maka berdirilah pensyarah dari luar negeri dan dalam masa itu jualan masih berjalan lalu pensyarah luar negeri itu meminta supaya jualan diberhentikan sementara syarahan lagi dijalankan – kalau tidak ia akan berhenti bersyarah. Dengan itu jualan risalah pun

diberhentikan sementara dan akhirnya dijual pula sesudah syarahannya itu habis. Dicitrakan oleh *ṣāhib al-hikāyah* maka dengan cara kebijaksanaan orang tempatan lakulah jualanannya sedang pensyarah dari luar negeri tak dapat menjual risalahnya – demikianlah kisahnya diceritakan oleh yang empunya cerita.

* * *

Pak Abu telah mencela langkahan Qalam mengkritik Hamka kerana itu adalah sahabat sendiri dari al-Farouk.

Kehendak Pak Abu nampaknya kalau kena mata dipicingkan, kena di perut dikempiskan, kalau yang melakukannya sahabat awak. Diam-diam sudahlah – telan sahaja walaupun membujur abu melintang tidak mengapa – semuanya telan dan terima – maklumlah ḍaif kita. Tetapi Pak Abu kalau ḍaif tidak berterima kasih dan mencela pula ulama-ulama kita dan menghalalkan barang yang diharamkan agama – apa mau diamkah?

Wahai Pak Abu: arakian, kemudian daripada itu maka Rasulullah (S.A.W.) telah bersabda (ertinya): kalau Fāṭimah binti Muḥammad mencuri nescaya aku potong tangannya. Wahai Pak Abu, inilah hak dan kalau mau mendirikan hak maka katakan yang benar dengan terus terang. Al-Farouk kalau berjumpa Hamka masih bersalaman dan sama-sama tertawa, berguru tetapi di dalam pengertian tidak pilih-memilih – ia cuba mendirikan hak.

* * *

Seorang pensyarah Indonesia, setelah membaca kritik di dalam majalah Qalam, mengatakan bahawa risalah yang dijualnya di dalam tiap-tiap syarahannya yang mengandungi delapan muka dengan harga 60 sen itu adalah untuk perbelanjaan di sini kerana dakwah dan menghubungkan silaturrahim. Dengan perkataannya itu orang-orang teringat akan firman Tuhan: *Ittabi'ū man lā yas'alukum ajran wa hum muhtadūn*. Yang ertinya “Ikutilah orang yang tiada meminta upah kepada kamu, kerana mereka itu mendapat pimpinan yang benar!” Ertinya kalau kerja-kerjanya hendak meminta upah maka orang-orang itu tidak mendapat pimpinan

yang benar sebab usahanya sekurang-kurangnya dapat dilihat berkehendakkan kepada fuuluuuus!

* * *

Pekerja-pekerja Traction Company telah bersuara pula menuntut perbanyakkan gaji. Ini bagus untuk masalah buruh tetapi mereka tidakkah hari-hari melihat betapa kurangnya orang-orang naik bas? Kelak kalau permintaan mereka ditolak maka mereka menuntut supaya *company* menunjukkan buku kira-kira untung dan rugi. Kalau sudah begini tidak ada lagi masalah majikan – buruh sahaja beli perusahaan itu supaya mereka menjalankannya – tidak lagi majikan. Akibat daripada perbuatan buruh tidak melihat keadaan tentunya sangat berbahaya untuk masalah kerajaan yang menganjurkan supaya orang-orang awam menanam modalnya di Singapura. Siapakah yang bersedia hendak menanam modal jika keadaan sedemikian ini?

* * *

Haji Ali *Chief* Kadi, dengan tenang tetapi tepat, telah bercakap di majlis syarahan agama yang dianjurkan oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan, *Jamiyah*, PERGAS dan Muhammadiyah di padang berhampiran dengan Panggung Taj Singapura telah berkata, sekiranya Qadiani banyak mengacau dan merosakkan keamanan jangan dilawan dengan kekerasan tetapi biarlah kita beramai-ramai menuntut kepada kerajaan supaya membungkus tikar bantalnya keluar dari Singapura. Pendapat Tuan Haji ini betul dan dan baik tetapi bagaimana kelak ke atas orang-orangnya yang telah di-Qadiani-kan itu? Apa bolehkah dikeluarkan ataupun ada jalan yang lain yang lebih baik lagi. Mereka tidak ada hak dikeluarkan tetapi paderi-paderi kecilnya kerana bukan anak di sini boleh dikeluarkan. Yang tinggal bagaimana?

* * *

Kiyai Anwar Musaddad, di dalam syarahannya pada 22 Oktober yang lalu, dikatakan telah berkata, bahawa cara dalam satu rapat (persidangan) yang diadakan baharu-baharu ini menyerang dengan cara maki kepada orang-orang lain adalah tidak betul dan bertentangan dengan dasar Islam. Orang-orang yang mendengar mengerti sindiran beliau itu, iaitu rapat yang diadakan itu ialah rapat empat badan yang telah habis-habisan menentang Qadiani sedikit masa dahulu. Kalau betul seperti ini maka ini sangat didukacitakan bahawa seorang Kiyai Indonesia melupakan bahawa seluruh umat Islam telah mengkafirkan Qadiani dengan beralasan kepada kitab-kitabnya. Bahkan apakah Kiyai dari Indonesia ini cuba-cuba hendak ambil hati Qadiani padahal dia di sini di bawah riayah *Jamiyah* yang dari dahulu bertugas keras terhadap Qadiani. Orang juga bertanya apakah Kiyai lupa kepada ayat “*Yā ayyuhā al-nabiyyu jāhidi al-kuffāra wa al-munāfiqīna wa ughluḥ ‘alayhim*” (ayat 77¹ surat al-Tawbah) maksudnya: “Hai Nabi tentangilah orang-orang kafir dan munafik itu dan bersikap keraslah kepada mereka.” Lagi satu: *Muḥammadun rasūlu Allāhi wa al-ladhīna ma’ahu ashuddā’u ‘alā al-kāfir* – maksudnya: “Muhammad itu pesuruh Allah dan orang-orang yang beserta dengannya sangat tegas (bersikap keras) terhadap kepada orang-orang kafir.” Kata mereka, apakah terhadap Qadiani mau pakai cium! *Wallāh* bagi seorang Islam terhadap orang-orang kafir mesti tegas, terutamanya kepada orang-orang yang menyeludup yang cuba merosakkan iktikad orang-orang Islam seperti Qadiani itu! Apakah Kiyai ini mau mengecilkan atau menyalahkan fatwa-fatwa ulama seluruh dunia Islam yang telah menggunakan kata-kata yang keras seperti kafir, munafik, dajal, iblis, Majusi dan lain-lainnya terhadap Qadiani itu? Apakah ulama-ulama itu menyalahi dasar Islam? Kerana keadaan Kiyai Indonesia ini samar-samar diharap kelak ia akan menegaskan perdiriannya di atas Qadiani supaya kelak orang-orang Islam di Singapura jangan samar-samar terhadapnya dalam menentang iktikad Qadiani.

¹ Pernyataan sumber salah. Ayat 73.